

PM ingatkan usah ambil kesempatan tanam kebencian

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan kepada semua pihak agar tidak mengambil kesempatan membakar dan mengapi-apikan sentimen perkauman dan menanam bibit kebencian.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah dalam takli-

mat harian Pejabat Perdana Menteri semalam berkata Anwar sedar wujud usaha jahat sesetengah pihak yang berkepentingan yang cuba menanam persepsi 'double standard' dalam mengambil tindakan.

Beliau berkata tuduhan bahawa kerajaan tidak bertindak terhadap isu yang membabitkan agama Islam adalah tidak benar,

sebaliknya semua kes berkaitan disiasat, didakwa dan akhirnya dihukum berasaskan peruntukan undang-undang dan setiap kes yang ada punca pelaporan akan melalui jalur proses dan hukum negara.

Beliau berkata kes yang menjadi tohmahan terhadap kerajaan itu termasuk penjualan stoking tertera kalimah Allah, lelaki

mempersenda kalimah Allah, penjual jagung yang meletakkan notis perkauman dan Harith Iskander dan Cecelia Yap masing-masing didenda RM10,000.

"Ini tuduhan liar yang tidak ada asas sama sekali. Sesiapa pun yang menghina mana-mana agama di Malaysia akan tetap disiasat dan didakwa.

"Ini mesej yang tegas buat se-

mua rakyat Malaysia untuk menghentikan budaya menghina mana-mana agama, budaya, dan kaum di mana-mana ruang di Malaysia.

"Usah biarkan hal-hal remeh merobohkan kekuatan dan keunikan kita tatkala negara sedang berkembang dan berada pada trajektori yang baik," katanya.